

# Pencapaian inovasi proses tambah baik kecemerlangan organisasi

stilah kecemerlangan sering kali dikaitkan dengan aspek pengurusan kualiti bagi kejayaan sesebuah organisasi. Ia ciri yang dikehendaki oleh pengurusan dalam menerajui organisasi ke arah menggalakkan prestasi. Kecemerlangan boleh dikaitkan sebagai keadaan yang mana beberapa faktor seperti keharmonian dan pengetahuan sedia ada dan sifat dinamik yang membolehkan orang ramai berfikir dan bertindak dalam rangka nilai-nilai asas, idea-idea dan pengetahuan.

Di samping itu, kecemerlangan ini merujuk kepada satu rangka kerja yang sistematik, sumber manusia dalam organisasi yang menyumbang kepada perubahan berterusan mengikut keadaan melalui kawalan kualiti di setiap peringkat dan proses.

Dalam konteks organisasi pendidikan seperti institusi pengajian tinggi (IPT), kecemerlangan universiti dapat dikenal pasti melalui prestasi cemerlang bukan sahaja dalam bidang pengurusan, tetapi juga melalui proses pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan dan lain-lain. Ini bermakna kemajuan sesuatu ilmu bukan saja bergantung kepada pencapaian dalam bentuk pensijilan, aspek kuantitatif dan fizikal semata-mata, tetapi ia adalah lebih kepada aspek kualitatif yang tidak ketara.

Ia juga termasuk personaliti individu yang dicerminkan melalui kualiti jiwa, kekuatan minda, aspirasi kesegaran, hasil daripada aktiviti penyelidikan, gaya hidup yang mampan dan lain-lain. Pemahaman yang baik mengenai kecemerlangan perlu menjadi keutamaan dalam setiap organisasi dalam melaksanakan nilai-nilai sejagat, terutama generasi muda.

## Model kecemerlangan inovasi

Kecemerlangan tidak terhad kepada langkah tradisional iaitu faktor keuntungan atau kerugian saja. Mengikut pemikir, pengukuran prestasi tradisional adalah ukuran yang paling teruk dalam mengukur dan meramal prestasi organisasi pada masa hadapan. Berkenaan dengan isu kecemerlangan dan kebolehpayaan inovasi, model kecemerlangan inovasi perlu dibangunkan untuk mengukur pencapaian keupayaan inovasi sesuatu organisasi berdasarkan ukuran tertentu yang tidak zahir.

Dasarnya adalah prinsip-prinsip sosial, falsafah, matlamat dan intrinsik yang dikenali sebagai prinsip yang berpanduan dalam hubungan manusia. Ini juga disebut sebagai kelakuan atau etika aktiviti dalam organisasi. Ia adalah nilai teras organisasi dan watak yang unik dan tersendiri bagi individu mahupun sesebuah kumpulan.

Nilai ini dipegang sama ada oleh individu atau kolektif. Dengan meng-

gunakan model kecemerlangan inovasi yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada permohonan dalam menentukan sesuatu anugerah kecemerlangan, tetapi juga untuk meningkatkan prestasi keupayaan inovasi dengan menekankan proses penambahbaikan berterusan.

Oleh itu, nilai teras bertujuan untuk menyokong keupayaan berasaskan nilai inovatif terutama dalam pengajian tinggi Malaysia. Ini kerana organisasi seperti universiti tidak boleh dipisahkan dengan perkataan 'cemerlang'. Keperluan untuk memupuk pemimpin dalam pekerja untuk mengambil inisiatif atau risiko menghadapi cabaran, menjana inovasi dan menangani kelemahan dalam organisasi. Nilai organisasi memberi kesan kepada inovasi dalam organisasi, yang seterusnya menyumbang kepada tahap produktiviti.

Antara cara sesebuah organisasi melakukan inovasi adalah dengan menggunakan kepakaran dan keupayaan sumber manusia sedia ada.

## Organisasi maju, berdaya saing

Dalam dunia hari ini, inovasi dianggap sebagai elemen penting bagi organisasi untuk berjaya dan maju. Dalam dunia penuh persaingan sengit dan persekitaran yang sentiasa berubah, organisasi perlu mencari jalan untuk kekal relevan dalam pasaran semasa. Ia dianggap sebagai pemboleh ubah yang penting dalam organisasi yang bergerak dengan sumber organisasi untuk mencipta sesuatu yang baharu atau menambah baik piawai sedia ada, proses atau produk.

Inovasi menjadi pemacu utama dalam pembangunan ekonomi pada masa kini. Terdapat kaitan yang rapat antara persembahan inovasi dengan kejayaan keseluruhan organisasi. Oleh itu, proses inovasi perlu diurus dengan baik dan berjaya.

Sememangnya pembangunan hari ini cepat berubah, organisasi perlu inovatif untuk terus bertahan dan meningkatkan kecemerlangan organisasi. Dalam usaha ini, beberapa faktor dikenal pasti sebagai faktor yang memberi impak kepada kebolehpayaan inovasi dalam organisasi.

Secara umumnya, inovasi memainkan peranan penting dalam pembangunan organisasi termasuk institusi pengajian tinggi (IPT). Melalui faktor kritikal iaitu objektif dan strategi, pengurusan perubahan, pengurusan sumber dan amalan terbaik membolehkan mereka menggarap keupayaan dalam mencapai kecemerlangan organisasi.



## Penulis

ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Sains & Teknologi Industri, Universiti Malaysia Pahang



**DR MOHD  
RASHID  
AB HAMID**

rashid@ump.edu.my